

UMS berjaya lahirkan 84,000 siswazah sejak ditubuhkan 29 tahun lepas

UB 12.12.2023 P.08

KOTA KINABALU: Sejak ditubuhkan 29 tahun lepas, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya melahirkan kira-kira 84,000 siswazah, termasuk 4,236 graduan yang bakal menerima skrol masing-masing pada Majlis Konvokesyen UMS ke-25 bermula semalam hingga Khamis.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Kasim Mansur berkata 4,236 graduan yang bakal menerima skrol itu, merangkumi 106 graduan doktor falsafah (PhD), Sarjana (307), Diploma Pasca (144), Sarjana Muda (3,617) dan Diploma 62 orang.

“UMS merupakan universiti komprehensif menawarkan 152 kursus merangkumi pelbagai disiplin aliran Sains dan Sains Sosial serta Sastera. Kadar kebolehpasaran merekodkan peningkatan tahun lalu, dipercayai akan konsisten mengambil kira semakin banyak peluang pekerjaan dicipta dalam tempoh setahun.

“Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan 2023,

UMS Career and Internship Fair 2023 pada 9 Dis lepas diadakan sempena minggu Majlis Konvokesyen, di mana terdapat 20 industri mengambil bahagian.

“Career Fair ini dianjurkan bersama Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar dan Talentbank dan sebanyak 500 peluang pekerjaan akan ditawarkan,” katanya kepada Bernama sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-25.

Kasim berkata UMS pada ketika ini mempunyai seramai 22,073 pelajar, termasuk pelajar prasiswazah dan pascasiswazah daripada kampus induk Kota Kinabalu, Kampus Antarabangsa Labuan dan Fakulti Pertanian Lestari di Sandakan.

Beliau berkata UMS mempunyai 1,106 kakitangan akademik, 1,872 (pentadbiran) dan 318 (bidang klinikal).

“Dengan ini UMS secara tidak langsung telah membawa kepada peningkatan permintaan untuk pekerja mahir dalam pelbagai sektor, membawa kepada penciptaan

pekerjaan dan lonjakan dalam ekonomi tempatan. Ini juga telah menyumbang kepada mengurangkan kadar pengangguran tempatan.

“UMS telah memberi impak yang signifikan dan positif kepada komuniti dan ekonomi tempatan dengan mewujudkan peluang pekerjaan, memacu inovasi, memupuk kerjasama dengan perniagaan tempatan, dan menyumbang kepada pembangunan infrastruktur dan penglibatan komuniti,” katanya.

Kasim berkata selain menyediakan modal insan terlatih yang menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara, UMS juga sebuah institusi ilmu yang terletak di lokasi strategik dengan dikelilingi panorama pemandangan yang cantik.

“Entiti reka bentuk bangunan turut menjadi sanjungan dan mendapat perhatian pelancong dan pelawat dari luar negeri. Sehubungan itu, UMS secara tidak langsung menjadi sebahagian daripada produk pelancongan komersial. — Bernama